

# Kejayaan Petronas bukti

**BH 12 JUN 2001**

KUALA LUMPUR, Isnin - Kejayaan Petronas menjadi syarikat minyak multinasional dalam masa hanya 25 tahun membuktikan Malaysia mampu berjaya di peringkat dunia dan seterusnya menjadi negara maju, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kejayaan Petronas itu adalah sesuatu yang membanggakan Malaysia kerana syarikat minyak negara lain biasanya mengambil masa sehingga 100 tahun untuk menjadi sya-

rikat minyak multinasional.

Beliau berkata, ia juga menunjukkan Malaysia berupaya mempelajari dan seterusnya menguasai sesuatu kepakaran itu dalam masa yang singkat sejajar dengan keperluan untuk menjayakan Wawasan 2020.

"Kita adalah negara yang kecil, tetapi kini kita mampu berdiri sama tinggi dengan negara besar lain kerana kejayaan Petronas," katanya ketika melancarkan buku sejarah aktiviti

dan kejayaan selama 25 tahun penubuhan Petronas di Menara Berkembar Petronas, di sini hari ini.

Buku bertajuk "A Vision Realised: The Transformation Of A National Oil Corporation" itu dikarang oleh Datuk Paddy Bowie. Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, dan Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Merican.

Menyentuh secara ringkas sejarah Petronas, Dr Mahathir berkata syarikat

minyak nasional itu bermula sebagai syarikat kecil yang tiada langsung kepakaran dalam usaha carigali minyak dan terpaksa bergantung kepada syarikat besar asing.

Bagaimanapun, katanya, berkat kesungguhan Petronas mempelajari segala ilmu pengetahuan berkaitan industri minyak, ia muncul sebagai syarikat petroleum multinasional dengan perniagaan di 25 negara lain.

"Ini adalah kejayaan yang diluar jangkauan kita.

## kemampuan negara: Mahathir

Malah, apabila saya melawat ke negara lain, mereka meminta saya menghantar Petronas untuk mencari gali minyak di negara mereka," katanya.

Mengenai dasar petroleum negara, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak berhasrat meminta Petronas meningkatkan pengeluaran bagi memastikan rizab negara yang juga sumber pendapatan negara dapat bertahan lama.

Beliau berkata, Petronas mengehendkan pengeluaran

minyaknya dan dasar ini akan diteruskan walaupun negara mengharungi keadaan ekonomi yang sukar.

"Petronas akan sentiasa berhemat dalam pengeluaran minyak dan gas kerana kita tidak mahu rizab kita berkurang dan akhirnya kehabisan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerana faktor itulah Petronas bertindak mengembangkan perniagaan ke luar negara sama ada secara sendiri atau mengadakan usaha sama dengan

syarikat multinasional lain dalam pengeluaran minyak dan gas.

"Petronas kini menjalankan usaha carigali minyak di 25 negara sehinggakan 30 peratus daripada pendapatan syarikat itu datang daripada pelaburan asingnya," katanya sambil memuji kebijaksanaan pengurusan Petronas selama ini.

Perdana Menteri berkata, selain kebijaksanaan, keberanian pengurusan Petronas membuat pelaburan di negara yang berisiko seperti Sudan turut

membantu syarikat itu mencapai kejayaan cemerlang.

Mengenai buku itu, Dr Mahathir berkata ia perlu dibaca semua eksekutif dan ahli politik kerana ia mengisahkan bagaimana cita-cita dan usaha berseungguh-sungguh akan membawa kejayaan.

"Kejayaan Petronas adalah bukti cita-cita ini menjadi realiti seperti Wawasan 2020 yang ilhamkan untuk menjadi negara maju dalam definisi kita sendiri," katanya.